

Jumaat, Apr 20 2018

Hapus GST, tol, PTPTN polisi 'Pak Pandir'

BATU PAHAT 19 April - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan tawaran dalam manifesto pembangkang untuk menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST), tol dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) seperti polisi ekonomi 'Pak Pandir' yang bakal membawa kesan buruk kepada negara.

Perdana Menteri menegaskan, tawaran gabungan pembangkang PKR itu juga boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat tidak seperti manifesto Barisan Nasional (BN) yang mendapat penarafan oleh badan dunia iaitu World Bank, JP Morgan dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

Malah, beliau memberitahu, manifesto pembangkang tidak disebut kerana dipercayai tiada nilai.

"Mengapa saya kata begitu kerana mereka nak mansuhkan tol, GST dan PTPTN, itu semua akan menyebabkan hutang negara bertambah dan melebihi RM1 trilion daripada hutang sekarang ini mengikut kajian Kementerian Kewangan.

"Kesannya nanti bursa saham akan jatuh, nilai mata wang akan terjejas, rakyat dan amanah saham juga akan terjejas," katanya semasa merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)



UTUSAN 20/4

Dia kata tiada jaminan harga akan turun, sebaliknya nak diperkenalkan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) pula, ia akan tambah harga sedia ada menjadi dua kali ganda, inilah dia polisi 'Pak Pandir' pembangkang."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

negara oleh kerajaan BN yang berhemah, bertanggungjawab, pragmatik dan berpandangan ke hadapan.

Beliau menegaskan bahawa ekonomi negara bukan sesuatu yang boleh dijadikan bahan politik semata-mata untuk meraih undi dan bersifat populis, sebaliknya jika ingin meraih sokongan rakyat mesti berada dalam ruang lingkup prinsip yang bertanggungjawab.

"Dua malam lalu ada orang kata

hari. Amanah Malaysia (MSAM) 2018 di Stadium Batu Pahat di sini hari ini.

MSAM 2018 yang berlangsung selama seminggu dijangka menarik kira-kira 150,000 pengunjung dan merupakan kali kedua diadakan di negeri ini selepas Johor Bahru pada 2009.

Najib berkata, buat masa ini, Bursa Malaysia dalam keadaan semakin kukuh dan stabil selain peningkatan pasaran modal kerana pengurusan ekonomi

Dia mahu ada orang nak hapuskan GST. Saya nak tanya, kalau nak dihapuskan GST sekalipun apa jaminan harga barang akan turun sebab harga barangan bukan di bawah kawalan kerajaan.

“Dia kata tiada jaminan harga akan turun, sebaliknya nak diperkenalkan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) pula, ia akan tambah harga sedia ada menjadi dua kali ganda, inilah dia polisi ‘Pak Pandir’ pembangkang,” ujar beliau.